

23 Ogos 2006
29 Rejab 1427

UTUSAN MALAYSIA

Muka Hadapan

Dalam Negeri

Politik

Luar Negara

Ekonomi

Korporat

Sukan

Parlimen

Mahkamah

Persidangan

Laporan Khas

Rencana

Bicara Agama

Forum

Hiburan

Rancangan TV

Pendidikan

Megabait

Keluarga

Kesihatan

Polis & Tentera

Sastera

Kartun

Laman Khas

SEARCH ARCHIVES

FEEDBACK

ABOUT US

□ Korporat

Focus Dynamics jangka jualan RM50 juta

KUALA LUMPUR 22 Ogos – Focus Dynamics Technologies Bhd., pembuat kelengkapan, sistem dan produk penjimatan tenaga, menjangkakan nilai jualan sebanyak RM50 juta dalam lima tahun lagi dengan penubuhan sebuah usaha sama di China.

Ia akan melabur sejumlah RM510,000 bagi memiliki 51 peratus kepentingan dalam usaha sama bernilai RM1 juta dengan Wakong International Group Corp Ltd. yang berpangkalan di China untuk menghasil dan memasarkan produk penjimatan tenaga.

Syarikat usaha sama itu, Focus Dynamics (Beijing) Ltd., dijangka menyumbang jualan bernilai RM2 juta dalam tahun pertama ia mula beroperasi, kata Pengarah Urusan Focus, Kong Kwai Ching.

Beliau berkata, FDB akan mengeluarkan dan memasarkan produk penjimatan tenaga seperti pemacu kelajuan pelbagai, atau pemacu MX3, pemacu alpha dan pemula liut.

“Focus telah memperoleh kontrak jualan awal bernilai lebih RM360,000 daripada Shanghai Okon,” kata Kwai Ching selepas menandatangani perjanjian usaha sama dengan Wakong dan Shanghai Okon Electric Tech Co. Ltd. di sini hari ini.

Rangkaian

Wakong mempunyai rangkaian jualan yang luas di China meliputi 13 bandar dengan empat buah anak syarikat, sembilan pejabat jualan dan 30 pengedar.

Pada masa ini, sebanyak 30 peratus pendapatan Focus diraih daripada operasi di luar negara.

Bagi tempoh sembilan bulan yang berakhir pada 30 April 2006, Focus mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.26 juta hasil daripada pendapatan sebanyak RM6.23 juta.

Menurut Kwai Ching, Focus juga sedang mencari rakan kongsi di Indonesia dan Thailand.

– Bernama



Kuala Lumpur	
23/08/2006 JAKIM	
GMT	8
Arah Kiblat (Koordinat Rujukan Zon)	292° 31' 16"
Waktu Solat	
Imsak	5:42
Subuh	5:52
Syuruk	7:10
Zohor	13:19
Asar	16:31
Maghrib	19:24
Isyak	20:34



Tajuk-tajuk Berita

- Kumpulan Naza labur hampir RM1b di India
- MRCB yakin dapat projek monorel RM1.6b Pulau Pinang
- MRCB, UPM bangun taman tani di Perak
- Time lancar khidmat 3G tahun depan
- Oilfab dapat projek RM40 juta
- Texchem Pack ke Bursa Singapura
- Focus Dynamics jangka jualan RM50 juta
- AmBank diiktiraf terbaik
- Dana Maybank RM100 juta
- Berbelanja guna Touch n Go di R&R